

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah(UMPSA) Ke-244 Bilangan 23/2024

TARIKH : 23 Oktober 2024 (Rabu)
MASA : 9.00 pagi – 11.30 pagi
TEMPAT : Bilik Mesyuarat LPU, Aras 3, Canseleri Tun Abd Razak,
UMPSA Pekan

7.1 Pemakluman Kelonggaran Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bersempena Perayaan Hari Deepavali Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

- (a) Mesyuarat mengambil maklum:
- (i) Merujuk kepada Kalendar Sesi Akademik 2024/2025, dimaklumkan bahawa cuti bagi Hari Deepavali adalah jatuh pada 31 Oktober 2024 (Khamis) dan pihak Universiti telah pun memberikan cuti gantian bersempena Hari Deepavali pada 1 November 2024 (Jumaat).
 - (ii) Bagi tujuan memudahkan urusan pelajar beragama Hindu untuk meraikan sambutan Hari Deepavali yang jatuh pada tarikh tersebut, pihak Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) mencadangkan agar diberikan kelonggaran kepada pensyarah dan pelajar untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian bermula pada 28hb, 29hb dan 30hb Oktober 2024 (Isnin, Selasa dan Rabu) iaitu pada minggu perayaan Hari Deepavali. Walau bagaimanapun kelonggaran pelaksanaan PdP ini hanya boleh diberikan bergantung kepada perbincangan dan persetujuan bersama antara pensyarah dan pelajar yang mempunyai kelas pada tarikh berkenaan.
 - (iii) Pihak JHEAA akan mengeluarkan pengumuman rasmi berhubung perkara ini sekiranya dipersetujui di peringkat JKPU.

(b) Mesyuarat bersetuju :

- (i) Untuk memberikan kelonggaran kepada pensyarah dan pelajar untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian bermula pada 28hb, 29hb dan 30hb Oktober 2024 (Isnin, Selasa dan Rabu) iaitu pada minggu perayaan Hari Deepavali. Walau bagaimanapun kelonggaran pelaksanaan PdP ini hanya boleh diberikan bergantung kepada perbincangan dan persetujuan bersama antara pensyarah dan pelajar yang mempunyai kelas pada tarikh berkenaan.
- (ii) Pemakluman rasmi akan dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa) kepada semua staf dan pensyarah.

**Tindakan : Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa)**



Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) Ke-247 Bilangan 1/2025

TARIKH : 3 Januari 2025 (Jumaat)
MASA : 3.30 petang – 7.15 petang
TEMPAT : Secara Dalam Talian (*GoogleMeet*)

3.18 (Minit 7.1) Hal-Hal Lain JKPU Ke-244 Bil. 23/2024 (Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa) - Pemakluman Kelonggaran Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bersempena Perayaan Hari Deepavali Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

- (a) Mesyuarat mengambil maklum:
- (i) Pihak Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) telah mengeluarkan Pengumuman Rasmi Bilangan 7 Tahun 2024: Pemakluman Kelonggaran Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bersempena Perayaan Hari Deepavali Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah melalui e-mel kepada semua staf dan pelajar pada 23 Oktober 2024.
 - (ii) Pihak Universiti bersetuju memberikan kelonggaran kepada pensyarah dan pelajar untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian bermula pada 28hb, 29hb dan 30hb Oktober 2024 (Isnin, Selasa dan Rabu) iaitu pada minggu perayaan Hari Deepavali. Kelonggaran pelaksanaan PdP tersebut bergantung kepada perbincangan dan persetujuan bersama antara pensyarah dan pelajar yang mempunyai kelas pada tarikh berkenaan.

Makluman

